

PENGALAMAN KOMUNIKASI DAN STRATEGI PEDAGOGI BAHASA ARAB: SATU KAJIAN FENOMENOLOGI DI THAILAND

ARABIC LANGUAGE COMMUNICATION EXPERIENCE AND PEDAGOGICAL STRATEGIES: A PHENOMENOLOGICAL STUDY IN THAILAND

Muhammad Ikhwan Rahmatan¹, Mohammad Taufiq Abdul Ghani¹

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Strategi pedagogi merupakan aspek yang sangat penting khususnya buat pendidik bagi menyampaikan ilmu pengetahuan serta membimbing pelajar dalam proses pembelajaran. Ia melibatkan pelbagai teknik, kaedah komunikasi, dan alat bantu mengajar yang dirancang secara berkesan untuk mencapai objektif pembelajaran.. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman komunikasi dan strategi pedagogi guru pelatih semasa latihan mengajar di Thailand. Reka bentuk kajian ini adalah reka bentuk kualitatif dengan pendekatan fenomenologi untuk memahami pengalaman komunikasi dan strategi pedagogi guru pelatih. Manakala, sampel kajian terdiri daripada 4 orang pelajar yang dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Data dikumpulkan melalui instrumen temu bual yang dirancang secara berstruktur dan dijalankan secara individu. Analisis data pula menggunakan perisian Atlas.ti. Data dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti tema-tema utama dalam pengalaman komunikasi dan strategi pedagogi semasa latihan mengajar mereka. Dapatan kajian menunjukkan tiga tema utama terhasil selepas analisis. Pertama, komunikasi. Guru pelatih menyesuaikan cara penyampaian dan komunikasi dengan menggunakan bahasa Arab mudah, bahasa tubuh, serta bantuan bahasa Inggeris dan Thai bagi memastikan kefahaman pelajar. Tema kedua pula ialah strategi pedagogi. Guru pelatih mengaplikasikan pelbagai pendekatan seperti pengulangan, penterjemahan, permainan, lakonan, penerangan, kolaboratif dan demonstrasi bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab. Tema ketiga iaitu penggunaan bahan bantu mengajar seperti kad imbas, kamus, video dan aplikasi digital seperti Google Translate didapati membantu proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Secara keseluruhan, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan keberkesanan latihan mengajar pelajar bahasa Arab serta menjadi panduan kepada universiti dan sekolah dalam merancang program latihan yang sesuai dengan keperluan pelajar dan konteks budaya berbeza.

Kata Kunci: *Latihan mengajar, kemahiran komunikasi, pedagogi, fenomenologi*

Perkembangan Artikel

Diterima: 30 September 2025

Disemak: 19 Oktober 2025

Diterbit: 31 Oktober 2025

**Corresponding Author:*

Mohammad Taufiq Abdul Ghani,
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Email: taufiq@fbk.upsi.edu.my

Abstract

Pedagogical strategies are a very important aspect, especially for educators to convey knowledge and guide students in the learning process. It involves various techniques, communication methods, and teaching aids that are effectively designed to achieve learning objectives. This study aims to explore the communication experiences and pedagogical strategies of trainee teachers during teaching training in Thailand. The design of this study is a qualitative design with a phenomenological approach to understand the communication experiences and pedagogical strategies of trainee teachers. Meanwhile, the study sample consists of 4 students who were selected using purposive sampling techniques. Data were collected through structured interview instruments and conducted individually. Data analysis was performed using Atlas.ti software. Data were analyzed thematically to identify the main themes in their communication experiences and pedagogical strategies during their teaching training. The study findings showed that three main themes emerged after the analysis. First, communication. Trainee teachers adjusted the delivery and communication methods by using simple Arabic, body language, and English and Thai assistance to ensure student understanding. The second theme is pedagogical strategies. Trainee teachers applied various approaches such as repetition, translation, games, acting, explanation, collaboration, and demonstration to improve their mastery of the Arabic language. The third theme, the use of teaching aids such as flashcards, dictionaries, videos and digital applications such as Google Translate, was found to assist the teaching and learning process in the classroom. Overall, this study is expected to contribute to increasing the effectiveness of training in teaching Arabic students and to serve as a guide for universities and schools in planning training programs that are appropriate for students' needs and different cultural contexts.

Keywords: *Teaching training, communication skills, pedagogy, phenomenology*

PENGENALAN

Latihan mengajar merupakan fasa penting dalam pembentukan profesionalisme guru pelatih kerana ia memberikan peluang kepada mereka untuk mengaplikasikan teori pembelajaran dalam situasi sebenar bilik darjah. Hal ini penting kerana guru pelatih mesti menguasai ilmu bidang pendidikan supaya dapat mempersiapkan diri sebelum menjalani latihan mengajar dan mengasah kemahiran sebagai seorang guru yang profesional dalam bidang pendidikan (Kamarulnizam & Nur Solehah, 2024). Pengalaman latihan mengajar di luar negara, seperti di Thailand atau di negara-negara lain memberikan nilai tambah yang unik kepada pelajar ijazah sarjana muda dalam bidang pendidikan khususnya. Hal ini kerana pelajar bukan sahaja perlu mengajar mata pelajaran yang dikuasai, tetapi mereka juga perlu menyesuaikan diri dengan budaya, bahasa, dan sistem pendidikan yang berbeza daripada apa yang biasa mereka hadapi di Malaysia (Muhamad Azian & Mohamed Ali, 2019). Situasi ini memberi cabaran tersendiri kepada mereka, terutamanya dalam aspek komunikasi dan strategi pedagogi yang digunakan semasa berhadapan dengan pelajar yang mungkin tidak mempunyai latar belakang bahasa Arab yang kuat. Pengalaman unik ini menuntut pelajar untuk berinovasi dan bersedia dalam kaedah pengajaran, serta membentuk kemahiran komunikasi yang lebih berkesan dalam persekitaran pelbagai budaya

(Kamarulnizam & Nur Solehah, 2024).

Di samping itu, strategi pedagogi yang digunakan oleh guru juga memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Syarwan Razak et. al menegaskan bahawa strategi pengajaran yang baik melibatkan gabungan antara pengetahuan kandungan (subject matter knowledge) dan pengetahuan pedagogi (pedagogical knowledge). Dalam konteks ini, guru pendidikan bahasa Arab perlu kreatif dalam menyampaikan kandungan bahasa Arab kepada pelajar-pelajar khususnya di Thailand dengan mengambil kira latar belakang budaya dan akademik mereka (Wahyudi et.al, 2022). Fabrian Afriadi et.al (2024) dalam kajiannya mendapati bahawa penggunaan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dan interaktif, seperti pembelajaran kolaboratif dan kaedah pengajaran berbantuan teknologi, dapat meningkatkan minat pelajar dalam mempelajari bahasa asing, termasuk bahasa Arab. Ini menekankan betapa pentingnya strategi pedagogi yang fleksibel dan inovatif dalam memastikan kejayaan latihan mengajar di negara asing seperti di Thailand berkesan dengan jayanya. Pernyataan ini disokong oleh kajian Fazriawati Due et.al (2023) yang menunjukkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang sesuai dapat meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar, khususnya dalam konteks pengajaran bahasa Arab di Thailand.

Selain daripada strategi pedagogi, komunikasi yang berkesan juga adalah elemen penting dalam konteks pengajaran, lebih-lebih lagi apabila mengajar di luar negara dengan latar belakang pelajar yang mempunyai latar belakang bahasa yang berbeza. Komunikasi antara budaya dalam pendidikan memerlukan kefahaman yang mendalam tentang pelbagai aspek bukan sahaja bahasa, tetapi juga budaya dan kebiasaan cara komunikasi yang mereka amalkan di negara tersebut (Zurina Mustaffa et.al, 2021). Dalam konteks pengajaran di Thailand, guru yang mengajar bahasa Arab mungkin berhadapan dengan cabaran bahasa yang berbeza, kerana kebanyakan pelajar di sana mungkin lebih fasih dalam bahasa Thailand dan Inggeris berbanding bahasa Arab (Fazriawati et.al, 2023). Keadaan ini menuntut para guru untuk mengubahsui pendekatan komunikasi mereka agar lebih berkesan, termasuk penggunaan alat bantu visual, atau isyarat non-verbal, serta adaptasi kurikulum yang lebih mudah difahami oleh pelajar (Ahmad Muradi, 2014). Kajian yang dijalankan oleh Wan Ali Akbar et.al (2021), mendapati bahawa penggunaan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dan interaktif, seperti pembelajaran kolaboratif, komunikatif dan kaedah pengajaran berasaskan teknologi video atau audio, dapat meningkatkan minat pelajar dalam mempelajari bahasa asing, termasuk bahasa Arab. Ini menekankan betapa pentingnya strategi pedagogi yang fleksibel dan inovatif dalam memastikan kejayaan latihan mengajar di negara asing seperti Thailand berjalan dengan jayanya.

Di sudut yang lain, kita juga perlu melihat bagaimana pendidikan bahasa Arab di Thailand tersebut diterapkan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Yuliani & Edy Purwanto (2022), pendidikan Islam dan bahasa Arab mempunyai sejarah yang panjang, khususnya dalam kalangan masyarakat Muslim di wilayah selatan negara tersebut. Bahasa Arab dipelajari bukan sahaja sebagai bahasa komunikasi, tetapi juga sebagai bahasa agama yang penting bagi memahami teks-teks Islam. Menurut Halimi Zuhdi (2016), pendidikan bahasa Arab di Thailand berfokus kepada dua aspek utama, iaitu pembelajaran bahasa sebagai alat komunikasi dan penguasaan bahasa untuk tujuan keagamaan. Walaupun terdapat cabaran seperti kekurangan guru terlatih dan bahan pengajaran yang kurang sesuai, kerajaan Thailand dan institusi-institusi pendidikan Islam telah berusaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran bahasa Arab di negara ini (Halimi Zuhdi, 2016). Pendidikan bahasa Arab di Thailand kini

terus berkembang dengan sokongan dari pelbagai pihak, termasuk kerjasama antara institusi pendidikan Thailand dan negara-negara Timur Tengah dalam menyediakan biasiswa dan latihan untuk guru-guru bahasa Arab (Yuliani & Edy Purwanto, 2022).

TINJAUAN LITERATUR

Strategi Pedagogi

Menurut kajian yang dijalankan oleh Yuliana et.al (2024), strategi pedagogi merupakan perkara penting yang digunakan oleh pendidik untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai kajian telah meneroka kaedah pedagogi yang berbeza yang boleh meningkatkan penglibatan pelajar dan pencapaian akademik. Tumpuan utama adalah pada pendekatan berpusatkan pelajar, penyepaduan teknologi, dan penciptaan persekitaran pembelajaran yang kondusif (Firdaus Fauzi, 2020). Penyelidikan ini menemukan beberapa faktor kunci yang menyokong keberkesanan pedagogi, iaitu pendekatan yang berpusatkan pelajar, penggunaan teknologi, penilaian holistik dan berterusan serta persekitaran belajar yang kondusif. Secara keseluruhan kajian ini menyimpulkan bahwa penerapan pedagogi yang efektif secara signifikan dapat meningkatkan motivasi dan prestasi pelajar serta mengembangkan fikiran mereka. Kolaborasi antara guru, institusi pendidikan, dan pemangku kepentingan lain sangat penting dalam memastikan keberhasilan penerapan strategi ini. Oleh itu, pengkaji melihat terdapat beberapa jurang yang boleh diisi melalui kajian ini seperti keberkesanan secara langsung pendekatan yang digunakan oleh guru pelatih terhadap strategi pedagogi telah disebut dalam kajian lepas ini.

Komunikasi berbeza bahasa

Kajian lepas yang dijalankan oleh Fatin Rabiha et.al (2017), mengkaji tentang fenomena bahasa antara budaya dalam komunikasi lisan antara penutur bahasa Melayu dan bukan Melayu di Universiti Putra Malaysia. Antara objektif kajiannya adalah untuk meneroka strategi yang digunakan dalam komunikasi, termasuk pemindahan bahasa, pemindahan latihan, strategi komunikasi, strategi pembelajaran, dan generalisasi terlampau. Dapatan kajian menyimpulkan empat perkara iaitu strategi komunikasi yang digunakan, cara pemindahan bahasa, strategi pembelajaran bahasa asing dan generalisasi bahasa. Kajian ini menunjukkan bahawa perlunya interaksi lisan antara penutur Melayu dan bukan Melayu, dan proses seperti strategi komunikasi dan pemindahan bahasa kerap berlaku. Walaupun penutur bukan Melayu cuba berkomunikasi dalam bahasa Melayu, kesilapan yang disebabkan oleh pemindahan bahasa dan kekurangan tatabahasa adalah perkara biasa. Kajian ini memberi implikasi penting terhadap proses pembelajaran bahasa kedua dan menunjukkan perlunya pendekatan pedagogi yang lebih baik untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dalam bahasa kedua. Pengkaji melihat kajian lepas ini adalah berkaitan dengan kajian ini kerana ia melibatkan komunikasi antara dua bahasa yang berbeza. Namun terdapat beberapa jurang yang masih belum diterokai dalam kajian lepas ini seperti apakah kaedah yang sesuai untuk orang lain memahami bahasa yang kita sampaikan.

Metod pengajaran bahasa Arab

Kajian yang dijalankan oleh Mohammad Jawwad et.al (2024), membincangkan tentang pendekatan pengajaran dan faktor yang mendorong kepada pembelajaran bahasa Arab. Ia bermula dengan pengamatan bahawa bahasa Arab semakin mendapat perhatian daripada masyarakat merentas pelbagai lapisan umur, agama, dan bangsa. Hal ini disebabkan peranan penting bahasa Arab dalam ibadah serta pemahaman agama Islam. Dapatan kajian mendapati bahawa peserta kebanyakannya terdorong untuk mempelajari bahasa Arab bagi memahami agama dengan lebih baik serta untuk meningkatkan komunikasi dalam konteks ibadah dan kehidupan harian. Metodologi pengajaran yang diamalkan mengintegrasikan empat kemahiran utama, iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Pengajaran dilakukan secara interaktif dengan penggunaan sepenuhnya bahasa Arab dalam kelas. Aktiviti seperti hiwar (dialog) diperbanyakkan bagi meningkatkan keyakinan peserta dalam menggunakan bahasa Arab. Pendekatan ini terbukti berkesan dengan kebanyakan peserta menunjukkan kemajuan ketara selepas beberapa minggu. Selain itu, modul yang digunakan juga direka bentuk untuk memenuhi keperluan pelajar Malaysia, dengan menyesuaikan kandungan dan konteks pembelajaran agar relevan dengan budaya setempat. Oleh yang demikian, pengkaji melihat persamaan kajian lepas dengan kajian yang akan dijalankan ini iaitu kedua-duanya memerlukan metod pengajaran bahasa Arab yang betul. Namun, pengkaji juga melihat jurang yang masih perlu diterokai iaitu dari sudut cabaran dalam pelaksanaan metod tersebut di dalam bilik darjah.

OBJEKTIF

- i. Meneroka pengalaman komunikasi guru pelatih dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran dan budaya sekolah di Thailand.
- ii. Mengenal pasti strategi pedagogi yang digunakan oleh guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar di Thailand.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi untuk memahami pengalaman subjektif guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar di Thailand. Pendekatan fenomenologi dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mendalami pengalaman individu yang unik serta memberi fokus kepada bagaimana subjek kajian menginterpretasikan pengalaman mereka dalam konteks budaya dan pendidikan yang berbeza. Kajian ini memfokuskan kepada pengalaman berkomunikasi dan strategi pedagogi dengan pelajar di Thailand semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Sampel kajian terdiri daripada empat orang pelajar yang telah menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah di Thailand. Pemilihan sampel dilakukan melalui teknik persampelan bertujuan, di mana pelajar yang terlibat dipilih berdasarkan pengalaman mereka yang terlibat dengan latihan mengajar di Thailand. Oleh kerana kajian ini bertujuan untuk memahami secara mendalam pengalaman subjektif pelajar, bilangan sampel yang kecil dianggap memadai untuk memberi gambaran yang mendalam dan terperinci mengenai fenomena yang dikaji. Namun ia bukan untuk digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi.

Data dikumpulkan melalui temu bual berstruktur yang dijalankan secara individu. Temu bual ini dirancang dengan teliti bagi memastikan soalan-soalan yang diajukan dapat menggali pengalaman sebenar pelajar semasa menjalani latihan mengajar di Thailand yang berfokuskan kepada cara komunikasi dengan pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Setiap sesi temu bual direkodkan dan ditranskrip untuk tujuan analisis.

Bagi analisis data, analisis tematik digunakan. Transkrip daripada temu bual dianalisis secara sistematik untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan pengalaman latihan mengajar pelajar. Proses ini melibatkan pembacaan berulang terhadap data, pengekodan tema, dan penentuan kategori utama yang menggambarkan pengalaman pelajar secara holistik. Dengan kaedah ini, kajian ini dapat menggambarkan fokus kajian yang dialami oleh pelajar dalam melaksanakan latihan mengajar di persekitaran yang berbeza dari segi budaya dan bahasa

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang diperolehi telah diklasifikasikan kepada tiga tema utama iaitu tema komunikasi, strategi pedagogi dan tema bahan bantu mengajar.

1) Komunikasi

Tema ini merujuk kepada pendekatan komunikasi yang digunakan oleh guru pelatih semasa latihan mengajar di Thailand. Komunikasi adalah aspek penting kerana kebanyakan guru pelatih menghadapi cabaran bahasa dengan pelajar Thailand yang tidak begitu fasih berbahasa Arab. Oleh itu, guru pelatih menggunakan pelbagai kaedah komunikasi untuk menyampaikan pembelajaran. Pengkaji mengklasifikasikan tema ini kepada beberapa subtema iaitu:

Bahasa Mudah

Berdasarkan temubual bersama guru pelatih, pengkaji mendapati guru pelatih cenderung menggunakan bahasa Arab yang mudah dan ringkas untuk memudahkan pelajar memahami konsep pengajaran. Mereka perlu merendahkan tahap bahasa Arab yang digunakan kerana pelajar tempatan mempunyai tahap penguasaan bahasa Arab yang terhad. Hal ini dinyatakan oleh kesemua responden iaitu:

“Cara saya berkomunikasi dengan pelajar Thai adalah berbahasa Arab dengan bahasa yang mudah la. Sebabnya sesi pengajaran dan pembelajaran kat sana memang menerapkan pelajar ini mempelajari bahasa Arab” (R1)

“Cara saya komunikasi dengan pelajar di Thailand adalah dengan menggunakan bahasa arab yang senang dan mudah sahaja supaya dia orang faham” (R2)

“Saya berkomunikasi dengan pelajar di Thailand dengan menggunakan bahasa Arab mudah semasa memberi arahan di dalam kelas” (R3)

“Cara berkomunikasi dengan pelajar adalah menggunakan bahasa Arab yang mudah difahami, kalau pelajar masih tak faham maka saya akan menggayakan perkataan tersebut dan kadang-kadang saya

lukis” (R4)

Bahasa Tubuh

Menurut Hasil dapatan, guru juga menggunakan bahasa tubuh sebagai medium komunikasi. Hal ini kerana penggunaan bahasa tubuh membantu untuk menjelaskan makna dan mesej yang disampaikan, terutamanya apabila pelajar tidak memahami bahasa yang dituturkan. Ini termasuk pergerakan tangan, isyarat visual, dan bahasa badan untuk memperjelas arahan. Seperti yang dinyatakan oleh responden ke-3 dan ke-4 iaitu:

“Dalam masa yang sama, saya turut memberikan contoh perbuatan atau “body language” supaya maksud sebenar pelajar dapat faham” (R3)

“Saya guna bahasa badan sebab saya rasa ni pilihan yang terbaik kalau pelajar tak dapat faham” (R4)

Bahasa Isyarat

Bahasa isyarat sering digunakan oleh guru pelatih untuk membantu menjelaskan konsep tertentu. Isyarat tangan seperti 'thumbs up' untuk memuji atau menunjuk objek atau gambar membantu komunikasi lebih berkesan. Selain itu, bahasa isyarat digunakan untuk menunjukkan perbuatan yang disuruh seperti yang dinyatakan oleh responden pertama dan ke-3 iaitu:

“Saya guna contoh macam ni ada beberapa kalimah Arab saya guna bahasa isyarat yang berkait dengan perbuatan tersebut. Contohnya, saya suruh dia tulis dalam bahasa arab tapi dia tak faham kemudian buat saya bahasa isyarat yang menunjukkan suruh tulis” (R1)

“Sebagai contoh, bila mengajar perkataan seperti "makan" atau "minum", saya tunjukkan tindakan tersebut untuk memperjelas maksud dia haa camtu” (R3)

Bahasa Inggeris

Selain itu, dapatan juga menunjukkan, guru pelatih menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantara apabila pelajar atau guru tidak memahami bahasa Arab. Ramai pelajar Thailand lebih memahami bahasa Inggeris daripada bahasa Arab. Oleh itu, bahasa Inggeris digunakan untuk menjelaskan beberapa konsep yang lebih sukar. Hal ini dinyatakan oleh responden ke-3 dan ke-4 iaitu:

“Selain itu, saya juga ada guna bahasa Inggeris bagi memberikan penerangan lanjut tentang topik pembelajaran bahasa Arab memandangkan pelajar lebih memahami bahasa ini” (R3)

“Kalau pelajar masih tak faham maka saya akan menggayakan perkataan tersebut dan juga melukisnya, pilihan terakhir adalah menggunakan bahasa Inggeris” (R4)

Bahasa Thailand

Walaupun bahasa Thailand bukan bahasa yang dikuasai sepenuhnya oleh guru pelatih, mereka cuba menggunakan beberapa frasa asas bahasa Thailand untuk menarik perhatian pelajar dan mewujudkan

hubungan yang lebih dekat dengan mereka. Hal ini dibuktikan melalui jawapan responden pertama iaitu:

“Akan tetapi saya berpegang dengan slogan pelajar UPSI iaitu guru luar biasa, bahasa utama dalam pengajaran adalah bahasa Arab, tetapi saya juga cuba bertutur dalam bahasa Thai apabila mereka tak faham perkataan bahasa Arab. Oleh itu, cara saya berkomunikasi dengan mereka adalah berbahasa arab dan apabila mereka tidak faham, saya bertutur bahasa Thai sikit-sikit supaya mereka selesa” (R1)

Ekspresi Wajah

Subtema yang terakhir bagi tema komunikasi guru pelatih ialah ekspresi wajah. Ekspresi wajah memainkan peranan penting dalam menyampaikan emosi dan makna semasa pengajaran. Guru pelatih menggunakan senyuman, kerutan, atau anggukan untuk memberi isyarat persetujuan atau menegaskan sesuatu idea. Seperti yang dilakukan oleh responden ke-3 iaitu:

“Kadang- kadang saya guna ekspresi wajah seperti senyum atau angguk untuk tunjukkan saya bersetuju dengan jawapan pelajar. Sebab saya rasa ekspresi muka ni membantu menjelaskan maksud perkataan atau tindakan dalam konteks yang lebih mudah difahami.” (R3)

Secara Keseluruhannya, dalam kesemua subtema ini pengkaji merumuskan guru pelatih menyelaraskan kaedah komunikasi mereka berdasarkan kefahaman pelajar tempatan dan keadaan bilik darjah di Thailand. Selain itu, guru pelatih juga memaksimumkan penggunaan elemen verbal dan non-verbal untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

2) Strategi Pedagogi

Tema ini merujuk kepada pendekatan pengajaran dan strategi pedagogi yang digunakan oleh guru pelatih dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terhadap pelajar-pelajar Thailand. Antara strategi yang digunakan adalah seperti berikut:

Pengulangan

Dapatan kajian mendapati bahawa guru pelatih menggunakan teknik pengulangan sebagai strategi pedagogi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Pengulangan adalah kaedah pengajaran di mana guru mengulangi maklumat atau arahan bagi membantu pelajar lebih mudah memahami konsep atau perbendaharaan kata yang dipelajari. Ini membantu menguatkan ingatan pelajar dan memperkukuhkan pemahaman mereka terhadap kandungan yang diajar. Seperti yang dinyatakan oleh responden ke-2 dan ke-4 iaitu:

“Kaedah yang saya gunakan untuk mereka adalah dengan cara mengulangi setiap arahan yang diberikan kepada mereka. Hal ini secara tidak langsung memberikan kefahaman kepada pelajar yang lain maksud dan tujuan daripada arahan tersebut” (R2)

“Pedagogi yang sering digunakan adalah latihan sebutan berulang, saya biasanya memberi contoh sebutan perkataan atau ayat dalam Bahasa Arab dengan jelas, kemudian meminta pelajar

mengulangnya secara individu atau berkumpul untuk membiasakan mereka dengan sebutan yang betul” (R2)

“Saya akan memperbanyakkan pengulangan perkataan supaya pelajar dapat faham daripada ulangan perkataan tersebut” (R4)

Penterjemahan

Selain itu, hasil temubual mendapati kaedah penterjemahan digunakan untuk menjelaskan maksud perkataan atau frasa dalam bahasa ibunda pelajar, terutama apabila pelajar menghadapi kesukaran memahami istilah atau konsep dalam bahasa Arab. Dengan kaedah ini, memudahkan pelajar mengaitkan makna dengan bahasa yang mereka fahami. Hal ini dibuktikan melalui jawapan responden pertama dan ke-3 iaitu:

“Kadang-kadang saya terjemahkan bahasa Arab tu kepada bahasa Thai. Contohnya “قيام” iaitu bangun, kalau bahasa Thai pula “(ลุกขึ้น) Luk Khun”, “اقرأ الدعاء” iaitu baca doa, diterjemahkan bahasa Thai pula “(อ่าน) Xān Addua”, “اكتب” iaitu tulis, bahasa Thai pula “(เขียน) Kheīyn”, dan lain-lain” (R1)

“Kalau guru pembimbing mendapati pelajar tidak faham tentang pembelajaran yang saya ajar di dalam kelas, saya mengambil pendekatan untuk menterjemah konten tersebut dari Bahasa Arab ke dalam Bahasa Thailand” (R3)

Permainan

Guru pelatih juga menerapkan aktiviti permainan dalam pengajaran mereka untuk menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan interaktif. Hal ini juga membantu pelajar mengingat maklumat dengan cara yang lebih santai dan tidak terlalu formal. Seperti yang dinyatakan oleh responden pertama dan ke-3 iaitu:

“Saya selalu guna permainan sebagai kaedah pengajaran agar pelajar dapat pengetahuan baru dengan permainan atau latihan sebagai aktiviti pengukuhan ilmu. Tak kira apa-apa BBM pun, asalkan ilmu tu disampaikan dengan lebih menarik dan mudah bagi pelajar nak belajar” (R1)

“Penggunaan permainan bahasa atau aktiviti interaktif juga dapat meningkatkan keterlibatan pelajar” (R3)

Lakonan

Seterusnya, dapatan juga mendapati, guru pelatih melibatkan pelajar dalam aktiviti lakonan. Hal ini untuk membolehkan mereka mengamalkan penggunaan bahasa dalam konteks sebenar. Di samping itu, dapat meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar dengan menekankan situasi nyata yang melibatkan penggunaan bahasa Arab. Seperti yang telah dinyatakan oleh responden ke-4 iaitu:

“Dulu saya buat kaedah lakonan jugak sebab senang nak tunjuk secara langsung. Contohnya, perbuatan menyapu, membaca haa yang ni saya buat lakonan untuk nak bagi tau maksud perkataan tersebut” (R4)

Penerangan

Berikutnya, analisis data memperlihatkan guru pelatih menggunakan kaedah penerangan secara jelas. Penerangan adalah teknik tradisional yang sering digunakan untuk memperjelaskan konsep-konsep yang rumit. Guru pelatih memberikan penjelasan secara terperinci untuk memastikan pelajar memahami isi kandungan pelajaran dengan baik. Hal ini dibuktikan melalui jawapan responden ke-3 iaitu:

“Saya kerap beri penerangan panjang lebar terutama dalam menjelaskan topik-topik yang kompleks seperti mengajar tajuk nahu” (R3)

Kolaboratif

Tambahan daripada itu, guru pelatih menggunakan pendekatan kolaboratif iaitu guru menekankan pembelajaran secara berkumpulan, di mana pelajar bekerja bersama untuk menyelesaikan masalah atau melengkapkan tugas. Hal Ini membantu meningkatkan kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan dalam kalangan pelajar. Hal ini berdasarkan jawapan responden pertama dan ke-3 iaitu:

“Teknik saya guna pakai dalam PdP bagi meningkatkan komunikasi adalah pendekatan kolaboratif. Saya akan bahagikan kumpulan, ini cara saya. Saya galakkan pelajar untuk bekerja dalam kumpulan kecil untuk berbincang, berkongsi idea, dan menyelesaikan masalah dalam bahasa Arab” (R1)

“Saya juga menggunakan teknik pembelajaran kolaboratif, di mana pelajar dibahagikan kepada kumpulan kecil untuk berbincang dan berkongsi idea. Ini menggalakkan interaksi antara mereka. Pembelajaran kolaboratif memberi peluang kepada pelajar bekerja dalam kumpulan kecil, di mana mereka dapat saling bantu dan berlatih cakap dalam bahasa Arab secara santai” (R3)

Demonstrasi

Selain itu, kaedah demonstrasi digunakan sebagai strategi pedagogi untuk menunjukkan secara praktikal kepada pelajar bagaimana sesuatu konsep atau kemahiran boleh digunakan. Pelajar boleh melihat bagaimana sesuatu dilakukan sebelum mereka mencubanya sendiri. Hal ini dinyatakan oleh responden ke-2 dan ke-3 dalam jawapannya iaitu:

“Saya selalu tunjukkan cara sebutan atau penulisan sebelum minta pelajar buat sendiri...haa saya buat demo dulu la camtu” (R2)

“Saya guna teknik pembelajaran berasaskan demonstrasi, di mana saya menunjukkan gaya bagi perkataan atau tindakan menggunakan bahasa tubuh untuk memudahkan pemahaman...sebab diorang murid Thailand kan mana faham” (R3)

Kesimpulannya, pengkaji merumuskan bahawa terdapat banyak strategi pedagogi yang digunakan oleh guru pelatih dalam melaksanakan PdP bahasa Arab di Thailand. Seperti yang telah dibincangkan di atas, Hal ini membuktikan bahawa setiap pendekatan yang digunakan oleh guru pelatih

bahasa Arab ini adalah usaha untuk memudahkan pelajar dalam memahami dan menguasai bahasa Arab dengan lebih baik.

3) Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Bahan bantu mengajar merupakan elemen penting yang digunakan oleh guru pelatih semasa latihan mengajar di Thailand untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Alat dan bahan ini membantu meningkatkan kefahaman pelajar serta memudahkan komunikasi antara guru pelatih dan pelajar, terutamanya dalam konteks bilik darjah yang memerlukan penjelasan tentang konsep-konsep bahasa Arab. Antara bahan yang digunakan oleh guru pelatih semasa latihan mengajar di Thailand ialah:

Flashcards

Bahan ini membantu dalam pengajaran kosa kata baharu dengan cara visual yang mudah difahami. Pelajar dapat mempelajari perkataan Arab dengan lebih pantas melalui gambar yang berkaitan dengan perkataan tersebut. Seperti yang dinyatakan oleh responden ke-3 iaitu:

“Saya guna bahan bantu mengajar seperti kad imbas (flashcards) dengan gambar dan perkataan dalam bahasa Arab. Ini membantu pelajar mengenalpasti kosa kata dengan objek visual” (R3)

Kamus

Sama ada dalam bentuk fizikal atau digital, kamus digunakan oleh guru pelatih untuk mencari makna perkataan yang tidak difahami oleh pelajar dalam bahasa Arab. Hal ini dapat memperluas kosa kata, dan membantu pelajar dalam memahami bahan bacaan atau perbualan. Seperti yang dilaksanakan oleh responden pertama dalam jawapannya:

“Kaedah saya sangat senang sahaja iaitu apabila ada satu satu perkataan yang tak faham kami dalam kelas membincangkan maksud supaya mereka lebih faham. Kami akan menggunakan kamus bahasa Arab kepada bahasa Thai atau bahasa Thai kepada bahasa Arab. Hal ini dapat megurangkan kekeliruan pelajar semasa PdP. Cara ni berkesan dan mereka mampu hafal perkataan baru” (R1)

Video

Video digunakan sebagai alat visual yang menarik untuk menjelaskan topik-topik pengajaran, membantu pelajar memahami konteks budaya dan linguistik bahasa Arab dengan lebih baik. Hal ini dinyatakan oleh responden ke-3 iaitu:

“Penggunaan bahan bantu mengajar seperti gambar atau video juga dapat membantu visualisasi arahan dengan lebih jelas” (R3)

“Seterusnya saya menggunakan bahan bantu mengajar seperti kad imbas, gambar dan video untuk mengaitkan kosa kata dengan objek atau situasi nyata” (R3)

Google Translate

Aplikasi ini membantu guru pelatih untuk menterjemahkan perkataan atau frasa dengan cepat, namun penggunaannya terhad kepada situasi yang memerlukan penjelasan segera dan tidak menggantikan pengajaran yang sepenuhnya berasaskan bahasa Arab. Seperti yang telah digunakan oleh responden ke-2 dan ke-3 iaitu:

“Cara saya berkomunikasi dengan pelajar di Thailand adalah dengan menggunakan bahasa Arab serta dibantu dengan aplikasi google translate” (R2)

“Sekiranya maksud yang saya ingin sampaikan tak dapat digambarkan oleh pelajar, maka saya akan gunakan aplikasi “google translator” bagi menterjemah perkataan atau ayat kepada bahasa Thailand” (R3)

Rumusannya, dapatan ini menunjukkan bahawa bahan bantu mengajar ini menjadi alat penting dalam membantu guru pelatih berkomunikasi dan menyampaikan pengajaran secara berkesan kepada pelajar di Thailand.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini berjaya meneroka pengalaman komunikasi dan strategi pedagogi guru pelatih semasa latihan mengajar di Thailand. Berdasarkan dapatan kajian yang telah diklasifikasikan kepada tiga tema utama iaitu komunikasi, strategi pedagogi dan bahan bantu mengajar, dapat disimpulkan bahawa guru pelatih menggunakan pelbagai cara dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran pengajaran yang berbeza, namun berdasarkan temubual yang dijalankan, pengkaji melihat emosi dan cara responden menjawab seolah-olah berjaya melaksanakannya dengan penggunaan pelbagai pendekatan dan alat yang sesuai.

Dari segi elemen komunikasi, guru pelatih menggunakan pelbagai kaedah seperti penggunaan bahasa Thai, bahasa Arab asas, bahasa isyarat, bahasa tubuh serta pendekatan teknologi dan penggunaan aplikasi bagi memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Keupayaan mereka untuk menyesuaikan diri dengan pelbagai kaedah komunikasi ini menunjukkan daya tahan dan fleksibiliti mereka dalam menghadapi cabaran dalam perbezaan bahasa pertuturan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Shahril Roslan (2024), menyatakan bahawa setiap cabaran guru dalam pendidikan adalah untuk pembangunan pelajar secara menyeluruh dengan penekanan yang besar kepada kecekapan, kecemerlangan akademik, dan pembangunan moral yang kukuh.

Dalam aspek pendekatan pengajaran pula, guru pelatih mengaplikasikan strategi pedagogi yang kreatif dan interaktif untuk meningkatkan pemahaman pelajar terhadap bahasa Arab. Mereka menggabungkan kaedah tradisional dengan kaedah moden seperti penggunaan teknologi dan aktiviti interaktif yang dapat menarik minat pelajar, seterusnya memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Anita dan Norlizawati (2023), menyatakan bahawa kaedah tradisional tidak boleh dilupakan dalam pendidikan kerana kaedah tradisional masih lagi diperlukan seperti penerangan, penjelasan yang dibuat oleh guru sendiri tidak sepenuhnya menyerahkan kepada pelajar. Namun hal tersebut merupakan satu strategi yang baik apabila menggabungkan kedua-dua kaedah tersebut.

Akhir sekali, bahan bantu mengajar, kajian ini mendapati bahawa penggunaan alat seperti flashcards, kamus, video, gambar, dan aplikasi *Google Translate* sangat membantu dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Alat dan bahan ini bukan sahaja membantu guru pelatih menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan tetapi juga meningkatkan interaksi dan kefahaman dalam kalangan pelajar (Mohammad Jawwad et.al, 2024)

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa guru pelatih berjaya menghadapi cabaran komunikasi dan pengajaran semasa latihan mengajar di Thailand melalui penggunaan strategi pedagogi yang pelbagai serta bahan bantu mengajar yang berkesan. Kajian ini juga menekankan pentingnya persediaan yang mencukupi dalam aspek komunikasi dan pedagogi bagi pelajar yang menjalani latihan mengajar di luar negara, terutamanya dalam konteks persekitaran yang berbeza dari segi budaya dan bahasa (Firdaus Fauzi, 2020)

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis menjelaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Muhammad Ikhwan Rahmatan(Metodologi; Pemilihan data; Analisis formal; Penulisan) Mohammad Taufiq Abdul Ghani (Metodologi; Pemilihan data; Analisis formal; Penulisan)

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong penemuan kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis koresponden.

PENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Ahmad Muradi, (2014). Pendekatan Komunikatif dalam Pembelajaran Bahasa Arab. Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban. 1(1), 29-48.
- Ahmad Syarwan Razak, Intan Khasumarlina Mohd Khalid1 & Jamilah Omar, (2023). Amalan Pedagogi Abad ke-21 (PAK21) dalam Pengajaran Pendidikan Seni Visual Secara dalam Talian. International Journal of Advanced Research in Education and Society. 5(3), 241-253.
- Anita Junaidi & Wan Noorlizawati Wan Mat Ali, (2023). Pendidikan Tradisional Wanita Di Sarawak Sebelum Kemunculan Pendidikan Formal. JurnalBorneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah). 8(1), 105-118

- Fatin Rabiha Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah, (2017). Bahasa Antara dalam Komunikasi Lisan Penutur Melayu dan Penutur Bukan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 7(1), 1-16.
- Fazriawati Due, Agung Muttaqien, Agus Mulyana & Imam Kurniawan, (2023). Pembelajaran Bahasa Arab Dengan Model Kontekstual Di Muslim Suksa School Thailand. *Al-Kaff Jurnal Sosial Humaniora*. 1(5), 479-484.
- Febrian Afriadi, Muhammad Fatih Hidayah & Gusmaneli, (2024). Pembelajaran Kolaboratif Dalam Pendidikan Perguruan Tinggi. *Jurnal Pendidikan Islam*. 2(3), 143-157.
- Firdaus Fauzi, (2020). Peranan Guru Dalam Mengatasi Kesulitan Belajar Bahasa Arab. *Program Studi Pendidikan Agama Islam*. 1-25.
- Kamarulnizam Sani & Nur Solehah, (2024). Kemahiran Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor Semasa Latihan Mengajar. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*. 8(1), 26-38.
- Mohammad Jawwad, Linamalini & Nurin Zahidah, (2024). Metodologi Pengajaran Bahasa Arab: Kajian Rintis di Institut Bahasa Antarabangsa, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). *Jurnal Rabbanica*. 5(1), 1-16.
- Muhamad Azian Saad & Mohamed Ali Haniffa, (2019). Perkembangan Latihan Perguruan Di Tanah Melayu Sebelum Dan Selepas Merdeka. *Journal of History Department, University of Malaya*. 28(1), 102-117.
- Nur Fitriani Fatihah, (2023). Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Pada Tingkat Dasar Di Mi Al-Khairiyah Jakarta Barat. *Jurnal MOZAIC Islam Nusantara*. 9(2), 142-156.
- Resti Yuliana, Ade Yatma, Nadra Yanti, Supriawan & Adriantoni, (2024). Pedagogi Yang Efektif: Kunci Sukses Dalam Proses Belajar Mengajar. *Jurnal Pendidikan Tambusai*. 8(2), 26907-26914.
- Shahril Roslan, (2024). Isu dan cabaran dunia pendidikan di Malaysia. 1-26
- Uswatun Khasanah, (2023). Metode Pengajaran Bahasa Arab Dan Unsur-Unsurnya Di Program Studi Pendidikan Bahasa Arab. *Jurnal Pengembangan dan Pengajian Islam*. 2(4), 1-16.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah, (2021). Kolaborasi Dalam Penghasilan Inovasi Pengajaran. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*. 32(2), 1-17.
- Wahyudi, Mobit & Hotimin, (2022). Apa Tantangan Calon Guru Bahasa Arab? Pengalaman Seorang Praktikan Saat Mengajar di Sebuah Madrasah Tsanawiyah (MTs) Swasta di Indonesia. *Jurnal Tashfiyatuna*. 1(1), 1-12.
- Yuliani & Edy Purwanto, (2022). Pendidikan Islam Di Thailand. *Educatioanl Journal: General and Specific Research*. 2(1), 51-61.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, (2021). Pedagogi Terbeza Untuk Pengajaran Guru Terhadap Kepelbagaian Murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 6(9), 202-214.